

# Dewan Rakyat platform terbaik perjelas kedudukan ringgit

SH/24.00/24/MIS 4

**SHAH ALAM** - Persidangan Dewan Rakyat yang dijadualkan bermula minggu depan menjadi platform terbaik untuk Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan situasi semasa ekonomi negara dan kedudukan ringgit yang semakin merosot ketika ini.

Felo Penyelidik Unit Literasi dan Advokasi Politik, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Mohd Yusri Ibrahim berkata, langkah ini penting bagi mengelak isu berkenaan terus dimanipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Malah katanya, penjelasan itu turut berupaya mewujudkan lebih keyakinan bukan sahaja kepada rakyat tetapi juga komuniti perniagaan yang menjadi asas terpenting bagi pengukuhan ekonomi.

"Kedudukan ringgit yang merosot berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sekarang ini sedikit sebanyak menimbulkan kekusaran dalam kalangan rakyat. Keadaan menjadi lebih buruk apabila pelbagai andaian ditimbulkan hingga menambahkan lagi polemik sedia ada.

"Jadi, dalam situasi ini, sangat penting untuk kerajaan menjelaskan secara tuntas situasi ekonomi negara semasa termasuk kedudukan ringgit, serta pelan bagi menangani isu ini secara menyeluruh dan konstruktif.

"Sudah tentu tempat terbaik untuk kerajaan menjelaskan semua itu adalah di Parlimen bagi membolehkan pelan tersebut turut dibahas oleh anggota legislatif lain," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai peranan perlu dimainkan kerajaan dalam memberi penjelasan yang mudah difahami oleh rakyat secara keseluruhan berhubung situasi semasa kedudukan ringgit.

Pada Rabu, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim menggesa Anwar memberi penjelasan mengenai kedudukan ringgit yang semakin merosot ketika ini pada sesi Dewan Rakyat minggu depan.

Pemimpin Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu berkata, penjelasan tersebut penting bagi memberi gambaran sebenar kepada rakyat susulan kejatuhan nilai mata wang negara hingga mengundang cemas.

Dalam pada itu, Mohd Yusri berkata, sekiranya perlu, kerajaan juga boleh menubuhkan jawatankuasa khas peringkat Parlimen untuk menangani kedudukan ringgit.



**MOHD YUSRI**